



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5544 7043  
: 03-5544 7045  
Fax : 03-5510 3062

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : IPK.Sel. Pent. 100-1/7/1 ( II )

Tarikh :

13 J' Akhir 1434H  
24 April 2013

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

## **SURAT PEKELILING SUK BIL. 2 TAHUN 2013**

### **LARANGAN PENGGUNAAN KALIMAH BISMILLAH DI DALAM HEBAHAN RASMI/SURAT/MEMO KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Pentadbiran ini mendapati terdapat segelintir jabatan yang menggunakan kalimah Bismillah di dalam Hebahan Rasmi/Surat/Memo Kerajaan. Penggunaan kalimah ini adalah baik namun terdapat sikap segelintir pegawai dan kakitangan yang tidak menjaga adab dalam soal penyimpanannya seperti sewaktu pelupusan fail, Hebahan Rasmi/Surat/Memo Kerajaan dibuang sebegitu sahaja ke dalam tong sampah atau tempat yang tidak sepatutnya.

3. Bagi mengelakkan berlakunya perkara sedemikian, dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini memohon agar pihak Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan untuk tidak menggunakan kalimah Bismillah di dalam sebarang Hebahan Rasmi/Surat/Memo Kerajaan sama ada melalui cetakan mahu pun elektronik.

...2/-

4. Sehubungan itu, kerjasama dan perhatian Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan untuk mematuhi arahan ini adalah amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**(DATO' HAJI MOHAMMED KHSURIN BIN HAJI MUNAWI  
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.**